

Syor Mahathir kepada Umno semua peringkat

15 JUL 1969

UMNO di semua peringkat disyor membuka peluang kepada pemimpin dan ahli parti-parti komponen Barisan Nasional dan pemimpin masyarakat sekitar menghadiri majlis perasmian mesyuarat agung masing-masing.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yakin langkah ini akan merapatkan lagi persaudaraan di kalangan kaum-kaum di negara ini.

"Biarlah majlis perasmian mesyuarat itu berbentuk rapat umum, asalkan matlamat menyatupadukan rakyat dapat dikembangkan melalui cara demikian," katanya ketika merasmikan penubuhan dan persidangan agung per-

wakilan Umno bahagian Mentakab di sini hari ini.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan sentiasa ingin melihat rakyat berbilang kaum hidup harmoni, saling memahami dan menghormati antara satu dengan lain.

Menurut beliau, rakyat Malaysia bernasib baik tidak seperti beberapa negara lain yang rakyatnya hidup sengsara anutan agama dan mazhab yang berbeza.

Ganjil

"Perbezaan agama dan mazhab, walaupun rakyatnya sebangsa mudah mendorong berlakunya

peperangan yang berpanjangan hingga menimbulkan keresahan dan ketakutan sepanjang masa," katanya.

Mengenai peristiwa 13 Mei 1969, Perdana Menteri berkata, peristiwa itu adalah satu keganjilan dalam sejarah negara.

Selain itu, tidak ada sejarah ganjil yang boleh dikenang kerana rakyat menggunakan kewarasan mereka untuk menyelesaikan sebarang masalah agar tidak berlaku sejarah ganjil, katanya.

Menurut beliau, masih ada segelintir rakyat me-

nolak cara penyelesaian masalah melalui rundingan hingga mendorong mereka melarikan diri ke dalam hutan.

Beliau berkata walaupun mereka cuba mendapatkan sokongan mereka tidak akan menikmatinya, termasuk daripada bangsa mereka sendiri.

"Inilah keistimewaan kita yang perlu dipupuk lagi supaya keistime-

waan yang lebih istimewa tertinta dalam sejarah negara," katanya.

Mengenai cara Umno bahagian Mentakab menjalankan majlis perasmian hari ini beliau berkata dengan mengumpulkan pemimpin dan ahli-ahli parti-parti komponen Barisan Nasional dan masyarakat sekitar, Umno bahagian itu dapat menunjuk-

kan kematangan mentadbirkan parti.

"Tidak ada sebab kenapa kita tidak dapat mencontohi Umno bahagian ini, lagipun ia secara tidak langsung dapat menunjukkan secara terbuka bagaimana cara-cara Umno ditadbirkan," tegasnya.

Menurut beliau, Umno bahagian Mentakab sendiri telah membuktikan betapa Umno sebuah parti berfahaman sederhana dan tidak beremosi.